



TEKS SEMBAH UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN BORNEO FLORA FESTIVAL 2025

26 JULAI 2025

**KOMPLEKS SUKAN LAUT ANTARABANGSA
LABUAN**

Terima kasih pengacara majlis.

بسم الله الرحمن الرحيم
الحمد لله رب العالمين، وصلاة وسلام على سيدنا محمد اشرف
المرسلين، وعلى آله وصحبه اجمعين، ربنا آتانا من لدنك رحمة،
وهي لنا من أمرنا رشدا، رب اشرح لي صدري، ويسر لي
أمری، واحلل عقدة من لساني، يفقهوا قولي.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Salam Malaysia MADANI.

Menghadap,

Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong

Raja Zarith Sofiah

Ampun Tuanku

MUKADIMAH

1. Patik dengan penuh takzim menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku berangkat ke satu acara yang sangat dinantikan oleh rakyat Labuan, iaitu Borneo Flora Festival 2025.
2. Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Tuanku amat bermakna buat patik-patik sekalian serta menyerikan lagi festival ini selain menjadi simbol keprihatinan dan kasih sayang Kebawah Duli Tuanku terhadap rakyat Malaysia keseluruhannya, khususnya di Labuan ini.

Ampun Tuanku,

3. Patik pohon limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku untuk mengalu-alukan tetamu kehormat serta hadirin sekalian yang hadir serta meneruskan ucapan patik pada hari ini.

Ampun Tuanku.

SALUTASI

Yang Amat Berbahagia

Toh Puan Datuk Patinggi Fauziah binti Mohd Sanusi

Yang Berbahagia

Puan Sri Maheran Jamil

Isteri Ketua Setiausaha Negara

Merangkap Yang di-Pertua Persatuan Suri dan Anggota Wanita
Perkhidmatan Awam (PUSPANITA)

Yang Berbahagia

Datuk Seri Noridah Abdul Rahim

Ketua Pengarah

Jabatan Wilayah Persekutuan

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin yang dimuliakan.

PENDAHULUAN

4. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataála kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Perasmian Borneo Floral Festival tahun 2025.

PENGANJURAN BORNEO FLORA FESTIVAL MAMPU BERI LIMPAHAN SOSIOEKONOMI KEPADA RAKYAT LABUAN DAN SEKITAR

Para hadirin sekalian,

5. BFF ini dirancang bukan sekadar untuk menambah bilangan acara di Labuan, sebaliknya ada strategi yang tersirat di sebaliknya. Labuan mencatat Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK per kapita sehingga 87 ribu ringgit pada tahun 2024, iaitu berada di kedudukan kedua tertinggi di Malaysia. Namun, seperti yang sering saya sebut, limpahan angka ekonomi ini tidak sepenuhnya dirasakan oleh rakyat secara menyeluruh, dan kebergantungan ekonomi kepada sektor minyak dan gas tidak lagi serancak seperti 10 ke 15 tahun yang lalu.
6. Sebagai manifestasi kepada pendekatan reformasi Kerajaan MADANI pada hari ini, kita telah mula menyusun semula keutamaan pembangunan Labuan dan kita dapat melihat hasil awalnya, di mana, pertumbuhan KDNK per kapita bagi tahun 2024 dicatatkan meningkat sebanyak 5.4 peratus berbanding tahun sebelumnya, dan melepasi purata nasional.
7. Dalam tempoh yang sama, Labuan menerima sehingga lebih 1 juta pelawat pada tahun lalu, iaitu tahun 2024, meningkat sebanyak 15.7 peratus berbanding tahun sebelumnya. Fakta ini memberi gambaran bahawa potensi pelancongan Labuan sedang berkembang dan wajar dimaksimumkan.

8. Justeru, sejak setahun lalu, kita merancang untuk memberi penekanan kepada sektor alternatif yang lebih mampan dan lebih dekat dengan rakyat iaitu sektor pelancongan. Borneo Flora Festival ini adalah antara pemacu strategi dalam perancangan tersebut. Impaknya, bukan hanya untuk sektor pelancongan semata-mata, malah akan turut menjana peluang sosioekonomi tempatan, khususnya kepada industri seperti perhotelan, makanan dan peniaga-peniaga kecil.
9. Limpahan ekonomi daripada festival ini juga dijangka mampu merancakkan pasaran domestik, khususnya di keperluan Borneo, dan membuka ruang pelaburan baru dalam sektor pelancongan, lanskap dan hortikultur. Untuk BFF pada kali ini, kami menyasarkan kehadiran sebanyak 50 ribu pengunjung dengan jangkaan kesan ekonomi perbelanjaan langsung sebanyak 20 juta ringgit, dan apa yang lebih penting adalah, para pelancong yang hadir ke Labuan ini, kelak akan menjadi *returning visitor* ke Labuan.

BORNEO FLORA FESTIVAL MEMPERKUKUH KERJASAMA RENTAS SERANTAU BORNEO

Para hadirin sekalian,

10. Penganjuran sulung Borneo Flora Festival 2025 ini menghimpun seramai 31 pempamer landskap yang bukan sahaja terdiri daripada penyertaan ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, malah turut melibatkan penyertaan negeri-negeri jiran iaitu Sabah dan Sarawak, serta rakan-rakan serantau dari Brunei Darussalam dan Kalimantan, Indonesia. Terima kasih atas komitmen yang diberikan dan ini turut menjadi bukti kesungguhan bersama kita semua dalam mengangkat Borneo sebagai nadi pertumbuhan dan rujukan baru dalam pembangunan industri hortikultur dan landskap tropika di rantau ini.
11. Program ini juga pada hakikatnya membawa satu mesej yang lebih besar daripada sekadar acara bunga dan landskap. Ia mencerminkan kesediaan semua pihak untuk memperkukuh jaringan kerjasama ekonomi, budaya dan komuniti merentas sempadan geografi dan seterusnya membentuk satu ekosistem serantau yang saling melengkapi antara satu dengan yang lain. Perpaduan dalam kepelbagaian inilah yang menjadi kekuatan sebenar rantau Borneo ini.
12. Saya percaya bahawa BFF 2025 ini akan membuka ruang baru kepada pertukaran ilmu, promosi pelaburan dan integrasi jaringan dagangan serantau dalam sektor pelancongan, landskap dan hortikultur. Program ini juga akan terus memperkukuh komitmen Malaysia dalam menjayakan agenda ASEAN serta kerjasama BIMP-EAGA.

AKHIR KALAM

Para hadirin sekalian,

13. Syabas dan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak dari pengurusan tertinggi, agensi-agensi Persekutuan, sehingga kepada para sukarelawan yang bertungkus lumus berganding bahu menjayakan festival ini.

PENUTUP

Ampun Tuanku,

14. Demikianlah sahaja persembahan ucapan patik pada hari ini. Patik-patik sekalian mendoakan agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, paduka-paduka anakanda serta seluruh kerabat dikurniakan keafiatan serta terus kekal qarar dalam memayungi negara dan memerintah rakyat dengan penuh adil dan saksama.

Ampun Tuanku.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Menjunjung kasih Tuanku.

Dirgahayu Tuanku.